



UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA

**HUBUNGAN FAKTOR TERPILIH DENGAN TEKAD KEUSAHAWANAN
MENGIKUT PERSEPSI PELAJAR**

HISYAMUDDIN BIN HASSAN

FPP 2007 1



**HUBUNGAN FAKTOR TERPILIH DENGAN
TEKAD KEUSAHAWANAN MENGIKUT PERSEPSI
PELAJAR**

HISYAMUDDIN BIN HASSAN

**MASTER SAINS
UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA**

2007



**HUBUNGAN FAKTOR TERPILIH DENGAN TEKAD KEUSAHAWANAN
MENGIKUT PERSEPSI PELAJAR**

Oleh

HISYAMUDDIN BIN HASSAN

**Tesis ini Dikemukakan kepada Sekolah Pengajian Siswazah, Universiti
Putra Malaysia, Sebagai Memenuhi Keperluan untuk Ijazah Master
Sains**

Mei 2007



Abstrak tesis yang dikemukakan kepada Senat Universiti Putra Malaysia sebagai memenuhi keperluan untuk ijazah Master Sains

HUBUNGAN FAKTOR TERPILIH DENGAN TEKAD KEUSAHAWANAN MENGIKUT PERSEPSI PELAJAR

Oleh

HISYAMUDDIN HASSAN

Mei 2007

Pengerusi: Profesor Zaidatol Akmaliah Lope Pihie, PhD

Fakulti : Pengajian Pendidikan

Tujuan utama penyelidikan ini adalah untuk mengenal pasti hubungan antara faktor terpilih dengan tekad keusahawanan mengikut persepsi pelajar. Faktor terpilih yang dimaksudkan adalah sikap terhadap keusahawanan, efikasi keusahawanan, norma subjektif, personaliti proaktif dan strategi pengajaran. Kajian yang menggunakan kaedah tinjauan dijalankan ke atas 166 orang pelajar Diploma Keusahawanan Kolej Yayasan Melaka. Kajian ini dibina berasaskan teori tekad oleh Ajzen-Fishbein (1980), model tekad Shapero (1982), tekad keusahawanan (Krueger & Carsrud, 1993), efikasi keusahawanan (Chen, Green & Crick, 1998) dan teori personaliti proaktif oleh Bateman dan Crant (1993).

Kaedah pensampelan bertujuan ($n = 166$) dan ujian korelasi *Pearson* (r) digunakan dalam kajian ini. Data dianalisis pada aras signifikan $p < .01$. Soal



selidik kajian yang digunakan diadaptasi daripada kajian-kajian lepas serta telah melalui proses kesahan kandungan dan mempunyai nilai kebolehpercayaan *Cronbach* α antara .74 hingga .90.

Dapatan kajian menunjukkan faktor terpilih seperti sikap terhadap keusahawanan mempunyai tahap hubungan yang paling kuat dan signifikan dengan tekad keusahawanan ($r=.69$, $p<.01$) dituruti dengan norma subjektif ($r=.62$, $p<.01$). Manakala efikasi keusahawanan ($r=.48$, $p<.01$), personaliti proaktif ($r=.41$, $p<.01$), strategi pengajaran berpusatkan guru ($r=.40$, $p<.01$) dan strategi pengajaran berpusatkan pelajar ($r=.34$, $p<.01$) didapati mempunyai hubungan yang sederhana kuat dan signifikan dengan tekad keusahawanan.

Sebagai rumusan, kesemua faktor-faktor terpilih mempunyai hubungan yang positif dan signifikan dengan tekad keusahawanan dan kedua-dua strategi pengajaran didapati sama penting dalam menentukan tekad keusahawanan mengikut persepsi pelajar.

Abstract of thesis presented to the Senate of Universiti Putra Malaysia in
fulfilment of the requirement for the degree of Master of Science

**RELATIONSHIP BETWEEN THE SELECTED FACTORS WITH
ENTREPRENEURIAL INTENTIONS ACCORDING TO STUDENTS'
PERCEPTIONS**

By

HISYAMUDDIN HASSAN

May 2007

Chairman: Professor Zaidatol Akmaliah Lope Pihie, PhD

Faculty: Educational Studies

The main purpose of the study is to identify the relationship between the selected factors with entrepreneurial intentions according to students' perceptions. The selected factors are attitudes towards entrepreneurship, entrepreneurship self-efficacy, subjective norms, proactive personality and teaching strategies. The method used in this study was descriptive-correlation which involved 166 students of Diploma in Entrepreneurship at Kolej Yayasan Melaka. The theoretical framework of the study was mainly based from the Ajzen-Fishbein's intentions theory (1980), Shapero's intentions model (1982), entrepreneurial intentions (Krueger & Carsrud, 1993), entrepreneurial self efficacy (Chen, Green & Crick, 1998) and the theory of proactive personality by Bateman and Crant (1993).



The study utilised purposive sampling method (n=166) and Pearson Product Moment Correlation r was applied as a main statistical analysis for the study. The data was analysed at $p < .01$ significant level. The instrument used was modified based on several sources of past studies and had gone through a content validity process. The instrument has a reliability value with a *Cronbach* α range between .74 to .90.

The results show that all the selected factors have a positive and significant correlation with entrepreneurial intentions. Attitudes towards entrepreneurship has the strongest relationship with entrepreneurial intentions ($r = .69, p < .01$), followed by subjective norms ($r = .62, p < .01$). Meanwhile, entrepreneurship self-efficacy ($r = .48, p < .01$), proactive personality ($r = .41, p < .01$), teacher centered teaching strategies ($r = .40, p < .01$) and student centered teaching strategies ($r = .34, p < .01$) have moderate and significant relationship with entrepreneurial intentions.

As a conclusion, all the selected factors showed a significant and positive relationship with entrepreneurial intentions and both teaching strategies are equally important in determining entrepreneurial intentions based on students' perceptions.



PENGHARGAAN

Alhamdulillah, salam dan selawat atas Nabi tercinta, kaum keluarga dan sahabat-sahabatnya.

Sepanjang menyiapkan pengajian dan tesis ini, saya telah menempuhi pengalaman pelbagai jenis rintangan, kesukaran dan cabaran. Ia hadir mulai pada saat mengisi borang sehingga selesai menjalani viva. Walaubagaimanapun setiap kesukaran tersebut dapat dilalui dengan pertolongan Allah dengan memberi saya kesabaran dan pertolongan, dan sudah tentu juga melalui bantuan beberapa insan yang akan disebutkan ini. Setiap seorang yang disebut mempunyai pengertian yang tersendiri yang saya akan dikenangi...sehingga bila-bila.

Tidak ada lafaz dan perkataan yang sesuai untuk diucap, yang boleh menggambarkan luahan rasa terima kasih dan penghargaan kepada guru saya, selaku Pengerusi Jawatankuasa Penyeliaan Tesis, Prof Dr Zaidatol Akmaliah Lope Pihie yang banyak memberi dorongan, pimpinan serta kasih dalam memberi tunjuk ajar dengan sabar yang tiada penghujung. Seterusnya, guru yang sangat disanjung dan dihormati iaitu Ahli Jawatankuasa Penyeliaan tesis iaitu Prof. Dr Habibah Elias dan Prof Madya Dr Rahil Mahyuddin yang banyak membuka dimensi pemikiran yang mempunyai hujah yang tersendiri. Melalui kepercayaan dan rangsangan mereka sebenarnya telah menjadi azimat kepada



saya meneruskan perjuangan ini tanpa rasa putus asa. Ketiga-tiga mereka merupakan guru yang sebenar yang membimbing saya berjuang menyiapkan tesis ini.

Pada kesempatan ini juga, saya ingin mengucapkan jutaan terima kasih kepada guru-guru saya yang lain, khasnya Prof Dr Kamariah Abu Bakar (FPP, UPM) dan Tuan Hj. Azali Mahbar yang saya rujuk sebagai sumber motivasi dan kekuatan diri saya. Mereka berdua adalah antara sebaik-baik guru yang pernah saya temui dan saya berazam mencontohi sifat terpuji dan keikhlasan mereka dalam membimbing kesejahteraan anak muridnya.

Tidak lupa penghargaan ini juga ditujukan kepada Prof. Dr. Zakaria Kasa (Dekan FPP, UPM), Prof. Madya Dr Ramlah Hj Hamzah (Ketua Jabatan JPST, FPP), Prof Madya Dr Rohani Ahmad Tarmizi (FPP, UPM), Prof. Madya Dr Zakaria Abdul Rahman (FPP, UPM), Tuan Haji Mahmud (FPP, UPM), Prof Madya Dr. Abdul Patah (FPP, UPM) dan Prof Madya Dr Ibrahim Nazri (FPP, UPM), Dr Suhaida Abdul Kadir dan Dr Nooren Nordin (FPP, UPM). Tidak lupa pula kepada Puan Hajah Zainab bte Kassim (DBP), Prof Dr J. Micheal Crant (University of Notre Dame), Prof Madya T. Ramayah (USM), En Zainon Harun (USM), Ibu Nurul Indarti (Universiti Gadjah Mada), Wan Asmak Laili, Roslinda Danek, Zarina, Dr. Hamzaid Yahya (Bekas Pengerusi KYM), pensyarah dan staff KYM iaitu Puan Suhaida Mohd Amin, En Azizie, En Zulkarnain (Zullangkau), En. Rodzman, Puan



Safawatie dan En. Fakhrol serta pelajar-pelajar Diploma Keusahawanan yang telah memberi kerjasama menjayakan penyelidikan ini.

Peranan Dr Norhayati Alwi (FPP, UPM), Auntie Shireen (PhD, UiTM), Auntie Shidah (UiTM), Ustaz Abdul Malek (JAWI), Ustaz Datuk Dr. Haron Din (Darul Shifa'), Ustaz Azmi (JB), Boboy dan sahabat sejati Khairi Din (PBA, Maran) sangat besar dan bermakna dalam menjayakan penyiapan tesis ini.

Sumber kekuatan 'nyawa' saya, tanpa doa dan sokongan mereka, iaitu mak, abah, isteri dan anak-anak (Puan Hjh Zaharah Daud, Hj Hassan Mohd Nor, Rohaida Ismail serta Fathi Aiman dan Faiz/Ali) tidak mungkin saya dapat menyiapkan tesis ini. Kasih sayang yang tidak berbelah bahagi dapat menguatkan semangat saya untuk terus berjuang. Tidak lupa juga kepada ibu saudara yang dikasihi Auntie Anim yang banyak memberi dorongan yang padu. Budi pengorbanan kalian mudah-mudahan diberikan balasan kebaikan yang tidak terhingga oleh Allah.

Tiada daya dan upaya melainkan dengan kekuatan dan pertolongan Allah.



Saya mengesahkan bahawa satu Jawatankuasa Pemeriksa telah berjumpa pada 4 Mei 2007 untuk menjalankan peperiksaan akhir bagi Hisyamuddin bin Hassan untuk menilai tesis Master Sains beliau yang bertajuk "Hubungan Faktor-Faktor Terpilih dengan Tekad Keusahawanan Menurut Persepsi Pelajar" mengikut Akta Universiti Pertanian Malaysia (Ijazah Lanjutan) 1980 dan Peraturan Universiti Pertanian Malaysia (Ijazah Lanjutan) 1981. Jawatankuasa Pemeriksa tersebut telah memperakukan bahawa calon ini layak dianugerahi ijazah berkenaan.

Ahli Pemeriksa Jawatankuasa adalah seperti berikut:

Kamariah Abu Bakar, PhD

Profesor
Fakulti Pengajian Pendidikan
Universiti Putra Malaysia
(Pengerusi)

Suhaida Abd. Kadir, PhD

Pensyarah
Fakulti Pengajian Pendidikan
Universiti Putra Malaysia
(Pemeriksa Dalam)

Mohd. Ibrahim Nazri, PhD

Profesor Madya
Fakulti Pengajian Pendidikan
Universiti Putra Malaysia
(Pemeriksa Dalam)

Puan Sri Faridah Abdul Karim, PhD

Profesor
Fakulti Pendidikan
Universiti Kebangsaan Malaysia
(Pemeriksa Luar)

HASANAH MOHD. GHAZALI, PhD

Profesor dan Timbalan Dekan
Sekolah Pengajian Siswazah
Universiti Putra Malaysia

Tarikh:



Tesis ini telah dikemukakan kepada Senat Universiti Putra Malaysia dan telah diterima sebagai memenuhi syarat keperluan untuk Ijazah Master Sains. Ahli Jawatankuasa Penyeliaan adalah seperti berikut:

Zaidatul Akmaliah Lope Pihie, PhD

Profesor
Fakulti Pengajian Pendidikan
Universiti Putra Malaysia
(Pengerusi)

Habibah Elias, PhD

Profesor
Fakulti Pengajian Pendidikan
Universiti Putra Malaysia
(Ahli)

Rahil Mahyuddin, PhD

Profesor Madya
Fakulti Pengajian Pendidikan
Universiti Putra Malaysia
(Ahli)

AINI IDERIS, PhD

Profesor dan Dekan
Sekolah Pengajian Siswazah
Universiti Putra Malaysia

Tarikh: 15 November 2007



PERAKUAN

Saya memperakui bahawa tesis ini adalah hasil kerja saya yang asli melainkan petikan dan sedutan yang tiap-tiap satunya telah dijelaskan sumbernya. Saya juga memperakui bahawa tesis ini tidak pernah dimajukan sebelum ini, dan tidak dimajukan serentak dengan ini, untuk ijazah lain sama ada di Universiti Putra Malaysia atau di institusi lain.

HISYAMUDDIN BIN HASSAN

Tarikh: 16 Ogos 2007



JADUAL KANDUNGAN

	Halaman
ABSTRAK	ii
ABSTRACT	iv
PENGHARGAAN	vi
PENGESAHAN	ix
PERAKUAN	xi
SENARAI JADUAL	xv
SENARAI RAJAH	xvii
SENARAI SINGKATAN	xviii
BAB	
1 PENDAHULUAN	
1.1 Latar Belakang Kajian	1
1.2 Teori-teori yang berkaitan dengan Tekad Keusahawanan	9
1.2.1 Teori Tingkah laku Terancang (Ajzen & Fishbein,1980)	9
1.2.2 Teori Peristiwa Keusahawanan (Shapero, 1980)	11
1.2.3 Teori Tekad Keusahawanan (Krueger & Carsrud,1993)	13
1.3 Permasalahan Kajian	14
1.4 Objektif Umum	19
1.5 Objektif Khusus	19
1.6 Soalan Kajian	20
1.7 Kepentingan Kajian	21
1.8 Batasan Kajian	23
1.9 Definisi Konsep dan Operasional	24
1.9.1 Keusahawanan	24
1.9.2 Tingkah laku Keusahawanan	24
1.9.3 Tekad Keusahawanan	24
1.9.4 Sikap terhadap keusahawanan	25
1.9.5 Efikasi keusahawanan	26
1.9.6 Kebolehlaksanaan tertanggung	26
1.9.7 Efikasi keusahawanan spesifik	27
1.9.8 Norma subjektif	28
1.9.9 Personaliti Proaktif	28
1.9.10 Strategi Pengajaran	29
2 KAJIAN LITERATUR	
2.1 Pengenalan	31
2.2 Pendekatan Teori: Pengenalan dan Andaian Model Tekad	37
2.2.1 Teori Tingkah laku Terancang	39



2.2.2 Teori Peristiwa Keusahawanan Shapero (1982)	41
2.2.3 Perbandingan antara TTT dan TPK	45
2.2.4 Implikasi TTT dan TPK	47
2.3 Tekad Keusahawanan sebagai pemboleh ubah bersandar	51
2.4 Pemboleh ubah bebas tekad keusahawanan	61
2.4.1 Sikap terhadap keusahawanan	61
2.4.2 Efikasi Kendiri	66
2.4.3 Norma subjektif	83
2.4.4 Personaliti Proaktif	88
2.4.5 Pendidikan Keusahawanan dengan Tekad Keusahawanan	92
2.4.6 Strategi pengajaran berpusatkan guru	103
2.4.7 Strategi pengajaran berpusatkan pelajar	110
2.4.8 Penggunaan strategi pengajaran berpusatkan guru Pelajar	122
2.5 Model Kerangka Konseptual	132
3 METODOLOGI KAJIAN	
3.1 Pengenalan	141
3.2 Metodologi dan reka bentuk kajian	142
3.3 Lokasi Kajian	144
3.4 Populasi dan Pensampelan	144
3.5 Alat Kajian	147
3.6 Kesahan dan Kebolehpercayaan	152
3.7 Prosedur Pengumpulan Data	154
3.8 Kajian Rintis	155
3.9 Penganalisan Data	156
4 DAPATAN KAJIAN	
4.1 Latar belakang responden	158
4.2 Dapatan Persoalan Kajian	163
4.3 Soalan kajian:	164
4.3.1 Apakah tahap tekad keusahawanan pelajar?	164
4.3.2 Apakah tahap sikap terhadap keusahawanan pelajar?	166
4.3.3 Apakah tahap efikasi keusahawanan pelajar ?	168
4.3.4 Apakah tahap norma subjektif pelajar?	171
4.3.5 Apakah tahap personaliti proaktif pelajar?	172
4.3.6 Apakah tahap persepsi pelajar terhadap strategi pengajaran berpusatkan guru dan pelajar yang mempengaruhi tekad keusahawanan?	173
4.3.7 Apakah terdapat hubungan antara strategi pengajaran berpusatkan guru dan pelajar dengan tekad keusahawanan?	176

4.3.8 Adakah terdapat hubungan antara sikap terhadap keusahawanan dengan tekad keusahawanan?	177
4.3.9 Adakah terdapat hubungan efikasi keusahawanan dengan tekad keusahawanan?	178
4.3.10 Adakah terdapat hubungan antara norma subjektif dengan tekad keusahawanan?	179
4.3.11 Adakah terdapat hubungan antara personaliti proaktif dengan tekad keusahawanan?	180
4.4 Kesimpulan	181
5 RINGKASAN, PERBINCANGAN, RUMUSAN DAN CADANGAN	
5.1 Pengenalan	184
5.2 Ringkasan Hasil Kajian	184
5.3 Perbincangan	187
5.3.1 Tahap tekad keusahawanan pelajar.	187
5.3.2 Tahap sikap terhadap keusahawanan dan hubungannya dengan tekad keusahawanan?	192
5.3.3 Tahap efikasi keusahawanan dan tekad keusahawanan dan hubungannya dengan tekad keusahawanan.	195
5.3.4 Tahap norma subjektif dan tekad keusahawanan dan hubungannya dengan tekad keusahawanan	202
5.3.5 Tahap personaliti proaktif dan hubungannya dengan tekad keusahawanan	206
5.3.6 Tahap pengaruh dan hubungan strategi pengajaran berpusatkan guru dan pelajar terhadap tekad keusahawanan	209
5.4 Rumusan Kajian	223
5.5 Implikasi dan Cadangan Kajian	226
5.6 Cadangan untuk Kajian Lanjutan	234
5.7 Penutup	237
RUJUKAN	238
LAMPIRAN	262
BIODATA PENULIS	296



SENARAI JADUAL

Jadual		Halaman
1.	Panduan penggunaan efikasi sendiri bersifat spesifik dan umum.	79
2.	Tafsiran Davis (1971) bagi nilai pekali korelasi	144
3.	Ukuran skor min berdasarkan formula Nunnaly (1978)	150
4.	Aras Kebolehpercayaan Cronbach α dalam kajian sebenar	154
5.	Taburan jantina	159
6.	Taburan responden mengikut keturunan	159
7.	Taburan pengalaman berniaga	160
8.	Taburan keluarga terdekat responden yang menjalankan perniagaan sendiri.	161
9.	Jumlah bilangan dan peratusan pelajar yang mengikuti kursus kemahiran	161
10.	Taburan bilangan dan peratusan pelajar yang mengikut Kursus Kemahiran	163
11.	Tahap tekad keusahawanan pelajar	164
12.	Kekerapan dan peratusan tekad keusahawanan pelajar	165
13.	Tahap sikap terhadap keusahawanan pelajar	167
14.	Kekerapan dan peratusan sikap terhadap keusahawanan pelajar	167
15.	Tahap sub skala dan skor min efikasi keusahawanan	169
16.	Kekerapan, peratus dan min norma subjektif pelajar	171

17.	Kekerapan, peratus dan min personaliti proaktif pelajar	172
18.	Tahap persetujuan strategi pengajaran yang boleh mempengaruhi tekad keusahawanan mengikut persepsi pelajar	175
19.	Hubungan antara strategi-strategi pengajaran dengan tekad keusahawanan	177
20.	Hubungan antara sikap terhadap keusahawanan dengan tekad keusahawanan	178
21.	Hubungan antara efikasi keusahawanan, kebolehlaksanaan tertanggap dan efikasi keusahawanan spesifik dengan tekad keusahawanan	179
22.	Hubungan antara norma subjektif dengan tekad Keusahawanan	180
23.	Hubungan antara personaliti proaktif dengan tekad keusahawanan	180
24.	Rumusan keseluruhan tahap tekad keusahawanan, sikap terhadap keusahawanan, efikasi keusahawanan, norma subjektif , personaliti proaktif dan strategi pengajaran mengikut persepsi pelajar.	182
25.	Rumusan keseluruhan tekad keusahawanan dengan sikap terhadap keusahawanan, efikasi keusahawanan, norma subjektif, personaliti proaktif, strategi pengajaran berpusatkan guru dan pelajar.	183

SENARAI RAJAH

Rajah		Halaman
1.1	Model Tekad Tingkah laku Terancang	10
1.2	Model Teori Peristiwa Keusahawanan Shapero (1982)	13
1.3	Model Tekad Keusahawanan Krueger-Carsrud (1993)	14
2.1	Model Teori Peristiwa Keusahawanan Shapero (1982)	43
2.2	Model Tekad Keusahawanan Krueger-Carsrud (1993)	51
2.3	Perhubungan Sikap dan Tekad	64
2.4	Model Kerangka Konseptual	140



SENARAI SINGKATAN

AM-CHAM	<i>American Malaysia Chamber of Commerce</i>
ANGKASA	Angkatan Koperasi Kebangsaan Malaysia Berhad
DEB	Dasar Ekonomi Baru
IKBN	Institut Kemajuan Belia Negeri
INSKEN	Institut Keusahawanan Negara
IPTA	Institusi Pengajian Tinggi Tempatan
IPTS	Institusi Pengajian Tinggi Swasta
KHB	Kemahiran Hidup Bersepadu
KPM	Kementerian Pendidikan Malaysia
KPU	Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi
KYM	Kolej Yayasan Melaka
LPM	Lembaga Peperiksaan Malaysia
MARA	Majlis Amanah Rakyat
MBA	<i>Master of Business Administration</i>
MLM	<i>Multilevel Marketing</i>
MMS	<i>Multimedia Messaging</i>
MPV	Mata Pelajaran Vokasional
MTKC	Model Tekad Krueger-Carsrud
MPKH	Mata Pelajaran Kemahiran Hidup
PKEN	Perbadanan Kemajuan Negeri
PNS	Perbadanan Nasional Berhad



PPK	Pusat Perkembangan Kurikulum
PUM	Program Usahawan Muda
RMKe-8	Rancangan Malaysia Kelapan
RMKe-9	Rancangan Malaysia Kesembilan
SKM	Sijil Kemahiran Malaysia
S.P.	Sisihan Piawai
TTT	Teori Tingkah laku Terancang
TPK	Teori Peristiwa Keusahawanan
UNITAR	Universiti Tun Abdul Razak
USM	Universiti Sains Malaysia
YAA	<i>Young Achievement Australia</i>
YES	<i>Young Enterprise Scheme</i>



BAB 1

PENDAHULUAN

1.1 Latar Belakang Kajian

“Apa yang mendorong seseorang individu menjadi usahawan?” merupakan persoalan utama yang sering diutarakan sepanjang sejarah penyelidikan keusahawanan (Martinelli, 1994). Autio, Keeley, Klofsten dan Ulfstedt (1997) mengembangkan kenyataan Martinelli (1994) dengan menegaskan pembentukan perniagaan baru sering menjadi asas kajian dalam bidang keusahawanan. Dalam konteks kajian ini, usahawan dan pembentukan perniagaan baru adalah serupa dan sering dikaitkan antara satu sama lain. Kajian mengenai kedua-dua aspek itu penting kerana setiap pembentukan awal perniagaan perlu diketahui latar belakang, situasi dan keadaan yang mendorong seseorang (usahawan) itu membuka sesuatu perniagaan yang baru.

Kebanyakan kajian dalam bidang keusahawanan banyak menumpukan dari aspek psikologi seperti ciri-ciri dan tingkah laku seseorang usahawan termasuk motivasi, sikap, lokus kawalan dan kebanyakan penyelidikan dilakukan setelah seseorang usahawan tersebut telah membentuk perniagaannya sendiri (Autio & rakan-rakan, 1997).



Oleh yang demikian Kim dan Hunter (1993) mencadangkan kajian tentang sesuatu fenomena keusahawanan sepatutnya dijalankan sebelum sesuatu perniagaan diwujudkan. Cadangan oleh Kim dan Hunter (1993) disepakati oleh beberapa penyelidik yang lain seperti Krueger (1993) dan Meeks (2004) yang menegaskan kajian sebelum seseorang individu membuka perniagaannya perlu dilakukan.

Berikutan dari isu di atas, penyelidik keusahawanan mula mengkaji proses pembentukan usahawan dengan menggunakan Teori Tingkah laku Terancang (*Theory of Planned Behaviour*) (Ajzen & Fishbein, 1980; Ajzen, 1987, 1991) dengan mengintegrasikan ia kepada teori tekad keusahawanan (Bird, 1988; Krueger & Carsrud, 1993; Davidsson, 1995; Fayolle, 2005). Isu yang diketengahkan dalam teori ini adalah faktor tekad yang merupakan elemen yang paling kuat dalam menentukan tingkah laku yang dirancang seperti membuka perniagaan baru (Ajzen, 1991; Krueger, 1993). Krueger, Reily dan Carsrud (2000) dan Meeks (2004) menyokong pendekatan teori ini dengan menegaskan, tingkah laku keusahawanan seperti bekerja sendiri atau pun mula untuk melibatkan diri dalam perniagaan sudah direncanakan sebelum hal tersebut dilaksanakan. Oleh yang demikian, tingkah laku seperti membuka perniagaan baru atau menjadi seorang usahawan lebih tepat diagak melalui tekad seseorang, bukan sikap, kepercayaan, personaliti dan faktor demografi (Krueger & Carsrud, 1993).

Menurut Ajzen (1991), tekad merupakan satu elemen yang menguasai faktor-faktor motivasi dalam mempengaruhi tingkah laku. Dalam lain perkataan, tekad merupakan perkara yang paling hampir dengan tingkah laku sebenar (Ajzen, 1991; Summers, 1998; Krueger dan rakan-rakan, 2000; Meeks, 2004).

Sejak Azjen dan Fishbein (1980) memperkenalkan teori yang berkait rapat dengan ramalan dan tekad seperti Teori Gelagat Beralasan (*Theory of Reason Action*, 1969; 1975) dan dikembangkan menjadi Teori Tingkah laku Terancang (1980), ramai sarjana dalam pelbagai bidang lain, seperti bidang politik, rekreasi, perubatan dan sains kepenggunaan menggunakan teori ini untuk meramal sesuatu tindakan manusia pada masa hadapan. Sebagai contoh model tekad telah digunakan untuk meramal kesediaan pelajar menamatkan pengajian di sekolah (Davis, Ajzen, Saunders, & Williams, 2002), meramal perilaku tidak jujur (Beck & Ajzen, 1991), meramal keinginan menurunkan berat badan (Schifter & Ajzen, 1985) dan meramal kesan komunikasi secara pujukan terhadap penagih alkohol (Fishbein, Ajzen & McArdie, 1980). Oleh yang demikian, para sarjana keusahawanan cuba mengguna pakai model tekad dalam kajian keusahawanan. Persoalan tentang proses yang mempengaruhi pembentukan perniagaan baru telah menarik minat para sarjana keusahawanan mengaplikasikan teori tekad tersebut dalam kajian mereka.

Dalam tempoh 20 tahun kebelakangan ini, beberapa sarjana keusahawanan telah mengaplikasikan kajian tentang tekad dan hubungannya dengan pembentukan perniagaan baru (Shapero, 1982; Bird, 1988; Krueger, 1993; Krueger & Carsrud, 1993; Krueger & Brazeal, 1994; Davidsson, 1995; Autio & rakan-rakan, 1997; Kolvereid, 1997; Summers, 1998; Brice 2002; Meeks, 2004; Linan, 2004; Fayolle, 2005, 2006). Berikutan itu, pelbagai model telah diketengahkan, disusuli dengan pengenalan tentang pemboleh ubah - pemboleh ubah yang bersesuaian dengan bidang keusahawanan khususnya yang melibatkan kajian pembentukan perniagaan baru dan hubungan tekad dengan usahawan. Aplikasi teori Ajzen dan Fishbein (1980) dalam bidang keusahawanan ini disokong oleh ramai sarjana keusahawanan sehinggakan penyelidikan yang mendasari teori konseptual antara teori tekad dengan usahawan dimasukkan dalam bidang kajian tentang tekad keusahawanan (Birds, 1988; Krueger & Carsrud, 1993; Davidsson, 1995; Meeks, 2004).

Kebanyakan aliran model tekad keusahawanan, meletakkan beberapa pemboleh ubah seperti sikap terhadap keusahawanan, norma subjektif dan efikasi sendiri sebagai salah satu elemen penting yang mendukung kepada kekuatan tekad untuk membuka perniagaan baru. Ketiga-tiga elemen itu digunakan sebagai faktor peramal utama dalam kajian tekad keusahawanan. Walaupun begitu akhir-akhir ini, kajian tentang efikasi sendiri banyak mengambil tempat sebagai pemboleh ubah bebas yang dikaji hubungannya dengan tekad keusahawanan.